

-k  
%TITI 2

# PARLIMEN MALAYSIA

**D'EWAN RAKYAT**

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARIISNIN : 21 NOVEMBER 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO.  
4,10 HINGGA 40 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9**

**[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Soalan No : 10

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY (BATU KAWAN)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21.11.2011</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pendirian Kementerian di atas cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengenal pasti sebidang tanah berukuran 8 ekar di Taman Chai Leng, Perai, Pulau Pinang bagi mendirikan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina yang baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keutamaan dan keperluan sesuatu kawasan. Projek-projek pembangunan dirancang dan dilaksana berdasarkan bilangan penduduk sesuatu kawasan ataupun kewujudan kawasan perumahan baru.

Berhubung dengan cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenal pasti sebidang tanah seperti yang dibangkitkan, **KPM tidak mempunyai apa-apa maklumat tentang perkara tersebut. Buat masa ini, kementerian hanya memperincikan permohonan SMJK Jit Sin sahaja.** YAB Menteri Pelajaran telah mengadakan beberapa perjumpaan dan perbincangan mengenai permohonan sekolah tersebut. Di samping itu, penjelasan mengenai perolehan

tanah untuk pendidikan di Pulau Pinang dan juga berkaitan SMJK Jit Sin telah diulas semasa penggulungan Bajet 2012 peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pelajara pada 16 November 2011 yang lepas.

Perlu ditegaskan bahawa pembinaan sekolah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini perlu merujuk kepada akta dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa. Sebagai makluman, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Sekolah Conforming) pada asalnya adalah sekolah persendirian Cina yang akur kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan semenjak tahun 1962 lagi. Ia dikenali sebagai sekolah menengah conforming kerana sewaktu sekolah menengah persendirian Cina menerima tawaran kerajaan untuk menerima bantuan, sekolah ini telah bersetuju untuk “conform” atau “akur” kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. **Sehubungan dengan itu, pendirian KPM adalah jelas sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 30 Akta Pendidikan 1996 yang menetapkan penubuhan sekolah menengah baru adalah merujuk kepada sekolah menengah kebangsaan sahaja.**

Oleh yang demikian, KPM berharap ibu bapa di kawasan sekitar dapat menghantar anak-anak mereka bersekolah di sekolah menengah kebangsaan yang berhampiran. Pada masa ini terdapat lima (5) buah sekolah menengah berhampiran Taman Chai Leng, Perai yang dapat menampung pendidikan murid-murid setempat.

Rjm 89

**SOALAN NO: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
[TANGGA BATU]  
TARIKH 21 NOVEMBER 2011  
SOALAN**

**Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah sebarang peruntukan undang-undang yang menghadkan jualan atau pemilikan bahan-bahan kimia seperti asid berbahaya di kedai-kedai runcit dan hardware store yang terjadi trend masa kini sebagai senjata untuk menganiaya mangsa.

### **Tuan Yang di-Pertua**

Jenis asid yang biasanya digunakan dalam industri termasuk:

- i. Asid Sulfurik
- ii. Asid Hidroklorik
- iii. Asid Nitrik, dan
- iv. Asid Formik (cuka getah)

**Asid Sulfurik, Asid Hidroklorik dan Asid Nitrik** pada kepekatan **9% ke atas mempunyai sifat korosif (*corrosive*)**, maka ia dikawal sebagai Racun Bahagian Kedua (*Part II Poison*) di bawah Akta Racun 1952 dan Akta ini dikuatkuasakan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manakala Asid Formik tidak dikawal di bawah Akta Racun 1952. Perbincangan sedang dijalankan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menggubal peruntukan undang-undang bagi mengawal Asid Formik (cuka getah).

Oleh kerana asid yang dikawal mempunyai kegunaan yang meluas dalam pelbagai industri, maka syarikat yang ingin mengimport, mengedar asid yang dikawal akan diberikan lesen untuk menjalankan aktiviti tersebut. Lesen dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 kepada premis dan juga pemegang yang mempunyai kriteria layak memohon.

Bagi penjualan asid sedemikian, dua jenis Lesen Racun boleh dikeluarkan di bawah Akta ini iaitu:

- i. Lesen Racun jenis B iaitu lesen yang dikeluarkan kepada **pemborong** untuk membenarkan penjualan secara borong bahan kimia racun termasuk asid-asid kepada pihak industri.
- ii. Lesen D ialah lesen yang dikeluarkan kepada **peruncit** untuk menjual bahan kimia Racun Bahagian Kedua (*Part II Poison*) termasuk asid secara runcit. Pembeli racun di premis berlesen D termasuk kontraktor kecil dan juga pengguna domestik.

Kedua-dua jenis lesen di atas dikeluarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri kepada premis-premis yang beralamat di negeri masing-masing.

Ekoran daripada beberapa kes simbah asid pada tahun 2009 dan 2010, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM telah mengarahkan supaya **Lesen Racun jenis D tidak dikeluarkan mulai 1 Januari 2011**. Ini bermaksud penjualan secara runcit tidak lagi dibenarkan dan pemegang Lesen D tertentu yang layak (kebanyakannya kedai-kedai alat besi (*hardware shop*) dan mempunyai pelanggan kontraktor kecil dikehendaki memohon Lesen B kerana penjualan kepada mereka ini dianggap sebagai penjualan borong.

Penjualan runcit kepada pengguna domestik (termasuk suri rumah tangga) tidak dibenarkan dan mereka ini yang memerlukan asid sebagai bahan pencuci boleh membeli produk komersial yang biasanya mengandungi bahan (*ingredient*) yang kurang korosif (*corrosive*) atau yang mengandungi asid yang kurang daripada 9%.

Dari segi perekodan, menurut Akta Racun 1952, setiap penjualan bahan kimia racun oleh pemegang Lesen B hanya boleh dilaksanakan kepada pengguna industri yang telah mengemukakan satu **pesanan bertulis (*signed order*)** kepada penjual dan penjualan hanya boleh dilakukan setelah rekod penjualan dicatatkan ke dalam satu buku yang dipanggil **Buku Penjualan Borong Racun** dengan butir-butir pembelian termasuk **Nama dan Alamat Pembeli, Tarikh Pembelian, Nama dan Kuantiti Racun** yang dijual dan juga **Tujuan Penjualan**.

Penjualan bahan kimia racun termasuk asid **tanpa lesen yang sah** merupakan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen **32(2) Akta Racun 1952** yang membawa hukuman denda maksima **RM 5,000** atau **2 tahun penjara** atau **kedua-duanya sekali**. Selain itu, penjualan bahan kimia racun termasuk asid **tanpa rekod atau rekod yang tidak betul** juga merupakan satu kesalahan di bawah **Seksyen 32(1)** Akta yang sama dan boleh didenda seperti di atas.

Selain itu, dalam usaha menangani masalah simbah asid, sejak awal tahun ini, Cawangan Penguatkuasa Farmasi di setiap negeri turut menjalankan pemeriksaan mengejut (*spot check*) ke atas kedai-kedai *hardware* untuk meninjau sama ada kedai-kedai ini ada menjual asid dan mempunyai lesen yang sah. Sehingga bulan September 2011, sebanyak 561 kedai hardware telah diperiksa. Daripada jumlah ini, 199 premis telah diberi amaran dan nasihat, 8 premis stok asid mereka telah diambil untuk tujuan persampelan oleh Jabatan Kimia manakala 26 premis yang disyaki melanggar peruntukan Akta Racun 1952 disiasat menurut peruntukan undang-undang sedia ada.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM juga sedang mengusahakan

pindaan menyeluruh ke atas Akta Racun 1952 dalam Bil Farmasi Baru. Dalam Bil baru ini telah dicadangkan agar denda yang lebih tinggi dikenakan iaitu sehingga maksima RM 100, 000 dan penjara melebihi 4 tahun. Dalam Bil baru juga dicadangkan pembeli untuk kegunaan *trade* perlu mempunyai '*End User Licence*' untuk lebih membendung penyalahgunaan bahan tersebut. Draf Bil baru ini sedang dimuktamadkan dan dijangka boleh dikemukakan ke Parlimen dalam masa terdekat.

**SOALAN NO : 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[BANDAR KUCHING]**  
**TARIKH 21 NOVEMBER 2011**  
**SOALAN**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila dua orang Pakar Bedah Kardiotorasik yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penempatan Pegawai Kontrak pada 7 Jun 2011 akan mula bertugas di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak di Kota Samarahan, Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mempertimbangkan permohonan pembaharuan kontrak dan penempatan Pegawai Perubatan Pakar (Kardiotorasik). Berdasarkan permohonan yang diterima, hanya seorang sahaja Pegawai Perubatan Pakar (Kardiotorasik) yang memohon untuk ditempatkan di Hospital



Umum Sarawak (HUS) dan mesyuarat berkenaan telah bersetuju dengan penempatan tersebut.

Walau bagaimanapun, Pegawai Perubatan Pakar (Kardiorasik) berkenaan telah memohon penangguhan penempatannya sehingga September 2012. Berdasarkan permohonan tersebut, penempatan seorang Pakar Kardiorasik hanya akan boleh dijalankan seawal September 2012.

Bagi menampung keperluan di HUS, pada masa ini terdapat seorang (1) Pakar Kardiorasik dari Semenanjung secara berkala bagi memberikan perkhidmatan kepada pesakit di HUS.



Soalan No : 13

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
(LIBARAN)**

**TARIKH 21.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini berapakah jumlah insentif yang telah dibelanjakan Kementerian untuk guru-guru yang ditawarkan perkhidmatan di kawasan luar bandar negeri Sabah, dan apakah perancangan Kerajaan untuk mempertingkatkan prasarana sokongan bagi membolehkan guru-guru tersebut berkhidmat lebih lama di kawasan-kawasan terbabit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman termasuklah di Sabah telah diberikan insentif dan imbuhan khusus. Langkah tersebut sebagai pengiktirafan di atas sumbangan mereka serta bertujuan untuk menarik minat dan menggalakkan mereka untuk kekal lebih lama di sekolah-sekolah pedalaman. Di samping guru-guru menerima insentif yang sama seperti penjawat awam yang lain, terdapat Imbuhan khusus untuk guru-guru di pedalaman, iaitu:

**i. Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesusahan (EKMLTK)**

diberikan kepada pegawai yang berkhidmat di sekolah-sekolah pedalaman yang dikenal pasti oleh KPM dengan kadar berdasarkan kepada kategori pedalaman iaitu Pedalaman 1 dengan kadar EKMLTK

sebanyak RM500 sebulan, Pedalaman 2 dengan kadar EKMLTK sebanyak RM1.000 sebulan dan Pedalaman 3 dengan kadar EKMLTK sebanyak RM1,500 sebulan.

ii. **Elaun Balik Kampung** pula dikhususkan untuk pegawai yang berkhidmat di sekolah-sekolah yang layak dibayar EKMLTK. Tujuannya adalah sebagai galakan kepada pegawai untuk mengunjungi keluarga di kampung asal setahun sekali dengan perbelanjaan bagi perjalanan tersebut ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa.

iii. **Bayaran Insentif Pedalaman (BIP)** pula diberikan kepada pegawai di sekolah-sekolah yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan sebagai kawasan pedalaman. Kadar bayaran adalah sebanyak 10% daripada gaji pokok pegawai berkenaan.

Sepanjang tempoh 2010 sahaja, sebanyak **RM66.7 juta** telah dibelanjakan untuk tujuan pembayaran insentif kepada guru di pedalaman yang merangkumi RM41.178 juta untuk pembayaran EKMLTK dan RM25.478 juta untuk pembayaran BIP.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga sentiasa mengutamakan kebajikan sekolah-sekolah luar bandar termasuk guru-guru yang bertugas di kawasan tersebut. Sebanyak 292 projek pembinaan rumah guru dilaksanakan Sabah dengan peruntukan sebanyak RM158.15 juta. Bagi pembekalan tenaga elektrik, Kementerian telah dan sedang melaksanakan projek solar hibrid yang melibatkan 179 buah sekolah dengan peruntukan sebanyak RM700.1 juta. Bagi bekalan air di Sabah pula, sebanyak 641 buah sekolah telah terlibat dan dibekalkan dengan bekalan air bersih sepanjang pelaksanaan RMKe-8 iaitu sebanyak RM142.4 Juta dan RM73.7 Juta bagi RMKe-9.

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**  
[ Bagan Serai ]  
**TARIKH** : 21 November 2011 (Isnin)

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan TERAJU dalam mematangkan MPPB.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) berperanan memastikan pelaksanaan inisiatif terhadap Bumiputera dilaksanakan secara pantas dan efektif. Matlamat TERAJU adalah menyediakan pelan jangka panjang bagi memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara serta memastikan penyertaan tersebut adalah lebih kukuh dan mampan. TERAJU turut menyelaras transformasi dan memperkukuhkan penyertaan Bumiputera bagi merapatkan jurang ekonomi antara Bumiputera dengan kaum lain di mana sasaran kita adalah untuk PKS Bumiputera menyumbang 20% KDNK menjelang tahun 2020 dari pencapaian pada masa kini iaitu 13%. Pendekatan yang diamalkan oleh TERAJU adalah

berasaskan enam prinsip utama termasuk mesra pasaran, berasaskan keperluan, berasaskan merit, ketelusan, pertumbuhan dan daya saing mampan.

Pelbagai strategi juga digunapakai bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera sebagai pemangkin kepada pengwujudan syarikat Bumiputera yang lebih besar termasuk penswastaaan, penggabungan dan perolehan serta perkongsian usaha sama (JV). Strategi-strategi ini akan meransang penciptaan syarikat-syarikat yang berskala optimum, mereplikasi kejayaan melalui francais, meningkatkan inovasi dan memenuhi keperluan modal insan yang berbakat dalam industri.

Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh TERAJU termasuk Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) yang bertujuan mengenalpasti syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi dan membantu syarikat-syarikat ini mencapai perubahan ketara dalam perniagaan mereka melalui akses berasaskan merit kepada peluang-peluang yang ada. Di bawah program ini, 1100 syarikat Bumiputera akan diberi bantuan untuk berkembang dan berpotensi untuk menjadi pemain serantau. Seterusnya syarikat-syarikat yang besar dalam TeraS akan memainkan peranan induk dalam menyokong pertumbuhan perniagaan syarikat-syarikat TeraS lain.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20 bilion di bawah Dana Mudah Cara (Facilitation Fund) dengan izin. Daripada jumlah ini, RM2 bilion telah diperuntukkan kepada projek-projek yang melibatkan usahawan Bumiputera dan dijangka sebanyak RM300 juta dari jumlah tersebut akan

digunakan oleh usahawan Bumiputera pada tahun 2012. Dana sebanyak RM2 bilion ini adalah hasil

kerjasama TERAJU dan Unit Kerjasama Awam-swasta (UKAS) yang merupakan salah satu inisiatif bagi kegunaan terhadap Projek Permulaan (EPP) syarikat Bumiputera. Dana ini berperanan sebagai tipping point bagi pembiayaan infrastruktur asas, mesin dan kelengkapan kepada projek- projek EPP Bumiputera serta cadangan inisiatif-inisiatif lain daripada usahawan-usahawan Bumiputera.

Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJ), yang mana memberi bantuan *Last-mile* dengan izin kepada syarikat Bumiputera yang berkelayakan untuk disenaraikan ke Bursa Malaysia telah diperkembangkan. Bantuan ini adalah bertujuan menjamin kejayaan syarikat-syarikat Bumiputera terbabit yang disenaraikan ke Bursa Malaysia. Inisiatif ini juga bertujuan untuk menjadi platform bagi menarik lebih banyak syarikat-syarikat Bumiputera untuk disenaraikan. Setakat ini, sebanyak 6 syarikat telah berjaya disenaraikan ke Bursa Malaysia dengan *market capitalization* dengan izin keseluruhan berjumlah lebih daripada RM700juta.



**SOALAN : 15**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELASTAHUN 2011  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A**                      **LISA  
N                      : YB DATO'SERI TIONG KING  
SING (BINTULU)**

**TARIKH                              : 21 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**  
menyatakan

- (a) Adakah pihak Kementerian membuat kajian secara menyeluruh mengenai projek Rawatan Air Bersih melalui penggunaan "Safewater Guardian System (SGS)" untuk kawasan luar bandar negeri Sarawak yang menggunakan peruntukan khas yang melibatkan RM1.5bilion; dan
- (b) Adakah pihak Kerajaan mempunyai kaedah tertentu bagi melaksanakan projek Pembekalan Air Bersih bagi kawasan luar bandar negeri Sarawak selain daripada

perlaksanaan Graviti Feed lebih-lebih lagi kawasan yang mempunyai sumber air sungai.

**Jawaoan:**

**Tuan yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum tentang penggunaan "*Safewater Guardian System (SGS)*" dalam pembekalan air bersih kepada penduduk di kawasan luar bandar dan sehingga kini Kementerian masih belum membuat sebarang kajian mengenai kesesuaian penggunaan sistem tersebut.

Bagi pembekalan air bersih pula, selain menggunakan kaedah *Gravity Feed*, Kementerian dengan kerjasama JKR Sarawak dan Jabatan Mineral dan Geosains Sarawak turut menggunakan kaedah telaga tiub, sistem tadahan air hujan serta rawatan air menggunakan membran (*membrane filtration*) untuk membekalkan air bersih ke kawasan luar bandar yang memerlukan.

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN GWO-BURNE LOH**  
**[ KELANA JAYA - PKR ]**

TARIKH **21 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

SULIT

**SOALAN NO. 16**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya - PKR ] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha bagi memastikan belia sentiasa kompetitif daripada segi ekonomi dan mentaliti.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Kementerian telah mengambil langkah dengan merangka dan memperkenalkan program-program baru yang sesuai dengan perubahan/*trend* belia masa kini. Umpamanya Makmal Transformasi Pembangunan Belia yang dilaksanakan pada 1 November hingga 10 Disember 2010 telah menghasilkan enam (6) inisiatif bagi tujuan pembangunan belia negara. Selain itu, bagi tahun 2011 Kementerian menerusi Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) telah menawarkan 47 program keusahawanan asas dan lanjutan peringkat sijil kepada 2,040 belia secara percuma setiap tahun. Para belia juga digalakkan untuk bergiat aktif di dalam aktiviti-aktiviti berpersatuan kerana ia dapat memupuk nilai-nilai kepimpinan serta dapat memastikan masa yang terluang digunakan dengan berkualiti. Kementerian juga sentiasa menyediakan ruang dan peluang kepada para belia untuk menyertai program-program kesukarelawanan sama ada yang dianjurkan oleh pihak Kementerian seperti program i-Volunteer, mahu pun oleh NGOs berdaftar.

Soalan No : 17



dilantik berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Rjm94

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Soalan No : 18

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21.11.2011</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan pelaksanaan SAPS adalah tidak diselaraskan dengan Jabatan Pelajaran Negeri. Dalam sistem Grading pelajar cemerlang misalnya NKRA meletakkan 80% sebagai minima untuk pelajar layak dapat Grade A. Di negeri Kedah misalnya Jabatan Negeri menentukan 75% sebagai grade minima untuk pelajar mendapat pangkat A. Apakah langkah susulan pihak Kementerian mengenai hal tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) merupakan satu sistem bersepadu yang berperanan mengintegrasikan semua maklumat pencapaian prestasi akademik murid secara tepat cepat dan terkini (real time). Sistem ini merupakan satu sistem analisis data yang perlu digunakan oleh semua sekolah di negara ini yang berperanan sebagai *One Stop Data Center* bagi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif SAPS **bukanlah untuk menilai dan mengukur pencapaian sesebuah sekolah atau seseorang murid itu**, sebaliknya adalah untuk **mengikuti** dan merekodkan **perkembangan prestasi bagi setiap murid** sepanjang persekolahan mereka dari Tahun Satu

sehinggalah Tingkatan Lima. Ini bertujuan untuk membantu pihak berkepentingan mengesan sebarang kelemahan yang wujud diperingkat awal lagi dan pada masa yang sama, tindakan yang cepat dan sewajarnya dapat diambil berdasarkan kepada keperluan seseorang murid itu. KPM berkeyakinan pelaksanaan SAPS ini dapat membantu guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di samping menyumbang kepada kualiti pendidikan negara

<sup>Rjm 92</sup>  
PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATUK BILLY ABIT JOO**  
**[ HULU RAJANG - BN]**

TARIKH **21 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN NO. ^**

**Datuk Billy Abit Joo** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) apakah terdapat apa-apa usaha untuk mewujudkan lebih banyak kawasan rekreasi untuk aktiviti bersukan untuk rakyat tempatan sejajar dengan kempen sihat Malaysia, seperti kawasan untuk berjoging, padang bola sepak dan futsal, bola keranjang, tenis, badminton, squash dan sebagainya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mencungkil bakat baru di peringkat akar umbi agar adanya pasukan pelapis yang mantap yang dapat menggantikan pemain-



**SULIT**

pemain kebangsaan di masa hadapan.

**JAWAPAN**

1. Di dalam RMK-9, Kementerian Belia dan Sukan telah membina sebanyak 1,100 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia di mana setiap DUN mendapat sekurang-kurangnya 2 buah Gelanggang. Manakala bagi RMK-10 pula, Kementerian akan membina tambahan sebanyak 527 gelanggang lagi di seluruh Negara, la sebagai usaha untuk menggalakkan dan meningkatkan minat masyarakat dalam aktiviti bersukan dan kecergasan. Selain itu, Kementerian turut menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang lain seperti Gym 1 Malaysia (90 buah), Kompleks Sukan Komuniti (9 buah), Kompleks Rakan Muda (16 buah) dan Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara (2 buah).
2. Bagi melahirkan barisan atlet pelapis negara, Kementerian telah melaksanakan **Program Pelapis** di peringkat Negeri, Serantau dan Kebangsaan. Program ini memberi tumpuan kepada 19 jenis sukan teras yang bertindak sebagai “kilang” dalam melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti, seterusnya berperanan sebagai *feeder* kepada program latihan atlet elit. Pada tahun 2010, seramai 34 atlet dari Program Pelapis Kebangsaan telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dan diserap ke dalam program latihan atlet elit, dan bagi tahun 2011, lebih 30 orang atlet telah disasarkan. Kementerian turut melaksanakan **Program Mengenal pasti Bakat (TID)** di peringkat akar umbi bagi menguji dan mengenal pasti bakat-bakat muda yang berpotensi di seluruh negara.

**SOALAN NO. 20**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB LIM GUAN ENG  
[BAGAN]**

**TARIKH 21 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan jenis projek yang dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (SDO) setiap tahun sejak 2005 dan adakah ia dijalankan secara tender terbuka, siapa kontraktor, kelulusan diperoleh daripada Kerajaan Negeri atau pun Pihak Berkuasa Tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang tidak melaksanakan projek dari tahun 2005 sehingga pertengahan tahun 2008. Projek berkenaan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan agensi pelaksana yang lain di peringkat persekutuan dan negeri. Selepas PRU 2008, sehingga 15 November 2011, Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan 2822 projek bernilai RM231.08 juta. Jenis dan jumlah projek mengikut tahun adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	2008		2009		2010		2011	
		PROJEK	KOS (RM JUTA)	PROJEK	KOS (RM JUTA)	PROJEK	KOS (RM JUTA)	PROJEK	KOS (RM JUTA)
1	PROJEK-PEROJEK KEAGAMAAN ISLAM	159	56.8	166	26.57	25	20.8	76	27.13
2	PROJEK-PEROJEK KEAGAMAAN BUKAN ISLAM	17	0.36	84	0.32	5	1.3	5	0.26
3	BALAI RAYA/D EWAN SERBAGUNA	38	3.3	12	1.78	10	1.9	11	1.68
4	SEKOLAH KEB/ SEK. REN.KEB/KOLEJ/MAKTAB/UNIVERSITI/	30	4.22	9	0.382	-	-	5	0.09
5	BEKALAN/PERALATAN	322	4.2	269	1.52	239	1.0	173	2.65
6	J ALAN/I N FRASTU RKTU R	83	2.1	566	38.13	2	0.002	75	3.02
7	PAR IT/LO NG KANG/GAB 10 N	23	0.53	132	6.37	-	-	11	1.1
8	JAMBATAN/ TITI	4	0.21	26	0.63	-	-	1	0.07
9	LAIN-LAIN	122	14.16	65	2.5	40	4.9	17	0.9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>798</b>	<b>86.08</b>	<b>1329</b>	<b>78.2</b>	<b>321</b>	<b>29.9</b>	<b>374</b>	<b>36.9</b>

Perolehan projek-projek tersebut dibuat mengikut peraturan semasa yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan melalui Arahan Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan surat-surat Kementerian Kewangan lain yang berkaitan. Sehingga 2009, perolehan bagi projek bernilai kurang daripada RM20,000 dibuat secara tawaran terus, nilai projek RM20,000 hingga RM200,000 dibuat secara sebut harga manakala lebih daripada RM200,000 secara tender. Walau bagaimanapun had bagi perolehan secara sebut harga telah ditingkatkan kepada RM500,000 iaitu berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 tahun 2009 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

Keputusan tender diputuskan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan (A/B) Negeri Pulau Pinang manakala sebut harga oleh Jawatankuasa Sebutharga Persekutuan Negeri Pulau Pinang dan tawaran terus yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Kontraktor.

Kontraktor yang ditawarkan bagi kerja-kerja berkenaan adalah terdiri daripada kontraktor kelas F bagi projek-projek yang dibuat secara sebut harga dan kontraktor-kontraktor kelas lain bergantung pada nilai kontrak masing-masing.

**NO. SOALAN : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB  
[ LANGKAWI ]  
**TARIKH** 21 NOVEMBER 2011  
**RUJUKAN** 4202

**SOALAN:**

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

(a) sebab musabab terlalu banyak Pendatang Tanpa Izin, Pelarian dengan suaka

UNHCR dan lain-lain pendatang. Adakah ini menggambarkan sempadan dan pintu masuk kita senang dibolosi; dan

(b) nyatakan tindakan kerajaan yang serius bagi membanteras kegiatan tersebut dari segi memperketatkan undang-undang dan tindakan kawalan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Langkawi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), di negara ini boleh dikategorikan kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) pelawat yang memasuki Malaysia dengan cara yang sah tetapi telah tinggal lebih masa di negara ini berbanding tempoh yang dibenarkan;
- (ii) penyalahgunaan pas kerja atau lain-lain pas yang dibenarkan disamping gagal memperbaharui pas yang telah tamat tempoh; dan
- (iii) memasuki negara secara haram menerusi sempadan negara dan pintu-pintu masuk yang tidak diwartakan.

Walaupun Pelarian dengan suaka UNHCR juga dikategorikan sebagai PATI,

keberadaan mereka di negara ini telah diiktiraf oleh pihak UNHCR dengan adanya kad UNHCR. Oleh yang demikian, Kerajaan atas dasar kemanusiaan telah membenarkan mereka

berada di Malaysia sehingga mereka ini ditempatkan di negara ketiga. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mempunyai kawalan ke atas tempoh untuk golongan UNHCR ini ditempatkan di negara ketiga. Kerajaan hanya mengendalikan golongan pemegang kad UNHCR ini berasaskan Arahan No. 23, Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, tugas kawalan sempadan bukanlah hanya tanggungjawab sesebuah agensi seperti Jabatan Imigresen semata - mata. Tanggungjawab tersebut memerlukan kerjasama kolektif dari pelbagai agensi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) serta agensi berkepentingan perlu dimantapkan bagi memastikan sempadan negara tidak dibolosi.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) bagi mengawal kebanjiran PATI di dalam negara ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang meliputi kawalan sebelum kemasukan dan juga kawalan setelah berada di dalam Malaysia.

Langkah - langkah kawalan sebelum kemasukan ke dalam Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;

- (ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- (iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- (iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara yang dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan setelah berada dalam negara pula adalah:

- (i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Anti perdagangan Orang, Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa; dan

- (iii) Mengadakan Operasi Bersepadu dan berkala dengan penumpuan kepada sempadan negara, luar bandar dan pendalaman.

Disamping itu juga, Kerajaan telah membangunkan **Sistem Pangkalan Data Biometrik** dan **Sistem Sekuriti Nasional** yang mana dikenali sebagai *National Enforcement and Registration System' (NERS)*. Melalui sistem ini, cap jari serta biodata setiap warga asing yang masuk/keluar dari Malaysia akan disimpan secara elektronik. Hasilnya, Kerajaan akan mempunyai profil bagi setiap warga asing yang memasuki dan berada dalam negara ini. Pengambilan dan pengesahan biometrik seseorang warga asing yang telah direkodkan boleh disemak dengan pangkalan data NERS yang berupaya mengesahkan identiti warga asing tersebut. Dengan ini, ia seterusnya boleh menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran dan data biometrik cap jari sekaligus dapat membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Kerajaan juga telah melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing/PATI atau Program 6P bagi mengatasi masalah kebanjiran PATI di negara ini. Hasil daripada pelaksanaan Program 6P ini, seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik sehingga tarikh tamat Proses Pendaftaran Program 6P pada 31 Ogos 2011. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Melalui program yang sama, Kerajaan selanjutnya akan mengambil tindakan susulan meliputi proses pemutihan, pengampunan, pemantauan dan penguatkuasaan serta pengusiran sebagai penyelesaian menyeluruh isu tersebut.



**NO. SOALAN : 22**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
BAGI JAWAB  
LISAN  
PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENAJ]**

**21 NOVEMBER 2011**

**TARIKH**

**4201**

**RUJUKAN**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta  
MENTERI**

**DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) jumlah orang yang telah diberi status penduduk tetap (PR) di Malaysia bagi tempoh 1957-1960, 1961-1970, 1971-1980, 1981-1990, 1991-2000, 2001-2010 dan pada tahun 2011 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
- (b) daripada bilangan ini untuk tempoh yang dinyatakan, berapakah jumlah yang diberi PR adalah terdiri dari mereka yang berada di Malaysia sebelum atau pada Ogos 1957, kerana mereka berkahiw dengan warganegara Malaysia, kerana mereka adalah profesional yang mempunyai 'skill' yang diperlukan oleh negara Malaysia dan ahli sukan dan alasan lain.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemohon yang diberi status Penduduk Tetap (PR) di Malaysia sejak merdeka sehingga Ogos 2011 adalah sebanyak 1,665,501 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi jumlah yang dinyatakan, Kementerian ini tidak menyimpan statistik mereka yang berada di Malaysia sebelum atau pada Ogos 1957, atas alasan perkahwinan dengan warganegara Malaysia atau mereka yang mempunyai 'skill' yang diperlukan oleh negara Malaysia dan juga ahli sukan.

PERTANYAAN LISAN t^0.  
DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN SOALAtJ •  
BUJANG [ SIBUTI ] HQ-AUM-H-3  
TARIKH 21 NOVEMBER 2011 MAALID .  
RUJUKAN lvrnwr .  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN 4200  
DEWAN RAKYAT

**SOALAN:**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk membekalkan kepada pasukan polis dan keselamatan dengan kenderaan pacuan 4 roda di kawasan pendalaman Sarawak supaya sesuai dengan keadaan jalan di Sarawak dan memudahkan polis membuat tinjauan apabila penduduk pendalaman membuat laporan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian telah pun melaksanakan perolehan pelbagai kenderaan bagi kegunaan pasukan Polis Diraja Malaysia. Secara dasarnya, PDRM telah menyediakan perancangan untuk membekalkan kenderaan pacuan empat (4 ) roda di kawasan pendalaman Sarawak supaya sesuai dengan keadaan jalan di Sarawak dan memudahkan polis membuat tinjauan apabila penduduk pendalaman membuat laporan.

MO- S0AIAKJ-  
2 M ~~NO.~~  
~~AUM-r17~~  
NO-AUP:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAHALAM]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4311

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimana pengeluaran dua kad pengenalan baru kepada seorang warga negara pada asalnya hanya mempunyai satu kad pengenalan lama boleh berlaku.

**JAWAPAN:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan tersebut dan soalan ini juga telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuaran pada 5 Oktober 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Setiap penduduk hanya berhak untuk memiliki satu kad pengenalan sahaja. Dalam hal ini sekiranya terdapat individu yang memiliki dua kad pengenalan ia merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikehakan hukuman denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit

(RM20,000) atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun.

Oleh itu, Kementerian mengalu-alukan mana-mana orang yang mempunyai maklumat seperti ini atau kes-kes yang disyaki terdapat unsur-unsur penipuan, pemalsuan atau penyelewengan agar dirujuk kepada Kementerian ini. Kementerian tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan keatas mana-mana individu yang terlibat sekiranya terbukti bahawa benar telah berlakunya penipuan, pemalsuan atau penyelewengan yang berkenaan.

NO. SOALAN: ~~14~~  
<VO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**

**DARIPADA**                      **YB TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**  
**TARIKH**                         **LISAN 21 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**  
**SOALAN**

**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ YB Parit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah prinsip dan pelaksanaan kebebasan agama yang diamalkan oleh rakyat Malaysia mengikut Perkara 11 (4) yang selama ini telah dipersetujui dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**                      **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL**  
**AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia sebagai suatu negara yang berbilang kaum dan agama telah berjaya mengekalkan perpaduan dan keharmonian dengan mengiktiraf hak seseorang untuk menganuti dan mengamalkan agamanya

menurut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan. Walau bagaimanapun, ini tidak menjejaskan hak setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agamanya sendiri dan hak untuk menyebarkan agamanya dan hak terakhir ini tertakluk kepada apa-apa sekatan dikenakan oleh undang-undang Negeri berkaitan dengan penyebaran mana-mana fahaman keagamaan atau kepercayaan di kalangan orang Islam.

Menurut Perkara 11, tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, dan tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkannya. Berdasarkan tafsiran dan keputusan mahkamah dalam kes *Hajjah Halimatussaadiah Binti Haji Kamaruddin v. Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam dan Lain-Lain* (1994) 3 CLJ 532, *Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [1999] 2 CLJ 5, *Kamariah bte Ali dan lain-lain v. Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia* dan satu lagi [2002] 3 MLJ 657 dan *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain* [2007] 3 CLJ 557 adalah jelas bahawa hak kebebasan beragama yang diperuntukkan di bawah Fasal (1)

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan tidaklah mutlak dan tidak boleh ditafsirkan dengan begitu luas.



Bagi penganut bukan Islam, mereka berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Untuk makluman, Fasal (4) Perkara 11 memperuntukkan bahawa Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam. Selain itu, Fasal (2) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri dan Fasal (3) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tiap-tiap kumpulan agama berhak untuk menguruskan hal ehwal agamanya sendiri, menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat dan memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

Bagi penganut agama Islam pula tertakluk kepada butiran 1, Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Di bawah butiran 1, Senarai Negeri tersebut, negeri bukan sahaja mempunyai kuasa untuk mengadakan undang-undang berkaitan dengan kemasukan

agama malah turut mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkenaan dengan perbuatan murtad. Ini kerana kedua-dua perkara itu adalah perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan hukum Syarak.

Mana-mana kumpulan agama dalam menguruskan hal ehwal agamanya, hendaklah memastikan ia tidak berlawanan dengan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam dan prinsip moral, ia diperuntukkan dengan jelas dalam Fasal (5) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan memupuk persefahaman, toleransi dan perhubungan harmoni di kalangan rakyat di Negara ini.

Oleh itu, prinsip dan pelaksanaan kebebasan beragama yang diamalkan oleh rakyat Malaysia mengikut Fasal (4) Perkara 11 yang selama ini telah dipersetujui dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan adalah jelas dan setiap orang mempunyai hak kebebasan

beragama. Di kalangan umat Islam di negara ini, hak mereka adalah tidak mutlak dan tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH 21 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional untuk memanggil PRU 13 sebelum Parliamentary Select Committee membuat kajian dan pendengaran awam serta cadangan untuk memperbaiki sistem pilihan raya (electoral reforms).

**SOALAN NO ^ .**

|



**SOALAN NO. 21**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya ialah untuk mengkaji perkara-perkara yang akan memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selain mengkaji proses pilihan raya yang bebas dan adil serta menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dipersetujui atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Majlis Mesyuarat tersebut.

Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut adalah selama enam (6) bulan. Jika Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut tidak dapat melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan dalam tempoh tersebut, perkara ini hendaklah dibawa semula ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi maksud pelanjutan tempoh pelantikan.

Manakala tugas SPR pula adalah melaksanakan apa yang telah diperuntukkan di dalam Perkara 113 dan 114 Perlembagaan Persekutuan yang antara lain menggariskan fungsi utama SPR adalah seperti yang berikut;

- (i) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan;
- (ii) menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar

## SOALAN NO. 21

pemilih; dan,

(iii) membuat kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu.

Oleh yang demikian apa jua syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya kepada SPR wajar dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan pada Pilihan Raya yang akan datang.

Bagaimanapun, hak untuk membubarkan Parlimen bagi menjalankan Pilihan Raya Umum adalah budi bicara (*prerogative*) Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas nasihat eksekutif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

### **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

**NOVEMBER 2011**

PERTANYAAN :

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO<sup>5</sup> SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
[SETIAWANGSA]

TARIKH 21 NOVEMBER 2011

SOALAN 27

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah bentuk kerjasama dan hala tuju pembangunan sistem pengangkutan udara Malaysia yang ingin dicapai dan dijadikan teras baru imej negara menerusi pewujudan kerjasama di antara MAS dan AirAsia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan kerjasama di antara syarikat-syarikat penerbangan negara ke arah meningkatkan mutu dan tahap perkhidmatan pengangkutan udara di Malaysia.

Menerusi kerjasama di antara MAS dan AirAsia, kedua-dua syarikat penerbangan akan menjalin hubungan di dalam sektor perolehan pesawat, penyelenggaraan, pembaikan dan pembaikpulihan pesawat (MRO), *ground handling*, latihan, kargo dan katering. Inisiatif untuk mengadakan kerjasama di antara kedua-dua syarikat penerbangan



adalah satu keputusan komersil dengan mengambilkira kos dan faedah.

Hala tuju kerjasama ini adalah ke arah memanfaatkan kepakaran teras masing-masing di samping meningkatkan dan mengukuhkan kemampuan untuk bersaing di peringkat domestik dan antarabangsa.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA Y.B. TUAN HAJI MOHD ABDUL WAHID  
BIN HAJI ENDUT**

**(KUALA**

**TERENGGANU) PERTANYAAN LISAN**

**TARIKH 21.11.2011**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT [ KUALA  
TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Wang Dana Khas dari Royalti Petroleum Terengganu yang digunakan untuk membina dan menyiapkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu dan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan bilakah ia akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) yang digunakan bagi Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu berjumlah RM882.17 juta. Jumlah bayaran balik yang akan dibuat kepada Kerajaan Negeri Terengganu masih dalam penelitian Kementerian Kewangan.

Manakala, peruntukan DKKP yang dikeluarkan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk Program Rumah Mesra Rakyat adalah berjumlah RM873.4 juta. Kerajaan Negeri Terengganu telah bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membayar balik peruntukan yang disalurkan kepada SPNB sebanyak RM771.344 juta iaitu perbelanjaan untuk Program Rumah Mesra Rakyat yang dilaksanakan di luar Negeri Terengganu. Bayaran balik tersebut dan bayaran balik bagi perbelanjaan-perbelanjaan lain yang telah dipersetujui bersama akan dibuat secara berperingkat. Bayaran pertama berjumlah RM200 juta telah pun dibuat pada 1 Ogos 2011.

**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

DARIPADA	LISAN
<b>PERTANYAAN</b>	YB DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
KAWASAN	PADANG BESAR 21.11.2011 (ISNIN)
TARIKH	
NO. SOALAN	*

YB Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid minta MENTERI PERDAGANGAN ANT ARAB ANGS A DAN INDUSTRI menyatakan dalam beberapa tahun akan datang ini, Malaysia akan menandatangani beberapa perjanjian Bilateral, antara lain ialah '*Transpacific Partnership Agreement* yang tidak lagi akan mengiktiraf '*affirmative action*' sebagai satu dasar dalam sistem perolehan negara, jelaskan sejauh manakah Dasar Ekonomi Baru (DEB) berperanan di bawah Economic Transformation Plan (ETP).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, dengan izin *Trans-Pacific Partnership* atau TPP, merupakan satu inisiatif untuk mewujudkan Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement - FTA). Rundingan TPP kini melibatkan sembilan (9) buah negara iaitu Australia: Brunei: Chile: Malaysia: New

Zealand: Peru: Singapura: Amerika Syarikat dan Viet Nam. Sehingga kini, sebanyak lapan (8) pusingan rundingan telah diadakan. Malaysia telah menvertai rundingan muai pusingan ketiqa.

2. Skop rundingan TPP adalah komprehensif dan merangkumi isu-isu perdagangan barangan dan perkhidmatan, persaingan, hak harta intelek dan Perolehan Kerajaan. Skop rundingan TPP ini telah dipersetujui sebelum penvertaan Malaysia.

3. Perkara-perkara seperti Perolehan Kerajaan sememangnya merupakan bidang yang sensitif kepada negara. Namun demikian Malaysia bersetuju merundingkan isu ini kerana ia akan membuka peluang bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia memasuki pasaran Perolehan Kerajaan negara -negara TPP lain.

4. Bagi memelihara kepentingan negara dalam isu-isu ini, Kerajaan akan sepertimana dalam rundingan-rundingan FTA yang lain, sentiasa merundingkan fleksibiliti bagi memastikan dasar ekonomi negara tidak terieias. Ini termasuk melaksanakan dasar untuk membantu golongan-golongan tertentu ("*affirmative action*").

5. Dalam pada itu, adalah kurang tepat untuk menyatakan bahawa Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas yang sedang

dirundingkan sekarang tidak lagi menqiktiraf '*affirmative action*  
Untuk makluman, negara-negara TPP lain juga menqamaikan  
dasar dan iangkah-langkah yang bercorak "affirmative action".

**NO. SOALAN :  
30**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
BAGI JAWAB  
LISAN  
PERTANYAAN LISAN  
DEWAN  
TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ]  
RAKYAT  
21 NOVEMBER 2011  
4198**

**SOALAN:**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DARIPADA DALAM NEGERI** menyatakan prosedur asas dan kriteria utama dalam proses memberikan taraf kerakyatan kepada rakyat asing. Nyatakan sejak merdeka hingga sekarang, berapakah jumlah warga asing yang telah diberikan status kerakyatan di negara ini.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganugerahan taraf kewarganegaraan atau status kerakyatan kepada warga asing akan dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat-syarat dan kelayakan sebagaimana yang termaktub di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Dalam Hal ini, setiap permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia dikategorikan seperti berikut:

- (i) Perkara 15(1) isteri kepada warganegara;
- (ii) Perkara 15(2) anak yang berusia kurang 21 tahun di mana ibu atau bapa bertaraf warganegara Malaysia;
- (iii) Perkara 15A - permohonan oleh ibu, bapa atau penjaga yang mempunyai tali persaudaraan dalam suatu keadaan khas bagi seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun;

(iv) Perkara 16

Seseorang yang berumur 18 tahun atau lebih yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka; dan

(v) Perkara 19(1)

- Seorang warga asing yang berumur 21 tahun ke atas, jika telah 12 tahun menjadi Penduduk Tetap.

Dalam mempertimbangkan permohonan taraf kewarganegaraan ia berdasarkan niat pemohon untuk bermastautin di Malaysia secara tetap, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warga asing yang telah diberikan status kerakyatan di Negara ini semenjak merdeka sehingga Ogos 2011 adalah seramai 1,365,027 orang.

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan  
[ Hulu Selangor]

TARIKH JAWAPAN : 21 NOVEMBER 2011  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan:-

- (a) apakah ada rancangan pihak Kerajaan untuk mengganti atau membaik pulih paip-paip air lama di kawasan Parlimen Hulu Selangor; dan
- (b) jika ada sila nyatakan jumlah projek dan kos yang terlibat di bawah program menaik taraf logistik air yang sedang dan akan

dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan siling sebanyak RM95 juta untuk pelaksanaan Program Penggantian Paip Lama Serta Paip Perhubungan Kritikal bagi Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil di Negeri Selangor pada *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 bagi tahun 2011 sehingga 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM16.5 juta adalah diperuntukkan untuk tahun 2011 yang melibatkan pelaksanaan lapan (8) pakej projek termasuklah satu (1) pakej projek di kawasan Hulu Selangor iaitu di Ulu Bernam 2 dan Kampung Sungai Choh.

Bagi projek di Ulu Bernam 2, ia meliputi kerja-kerja penggantian paip *Asbestos Cement (AC)* kepada jenis paip *Ductile Iron (DI)* sepanjang 5 kilometer, manakala, di Kampung Sungai Choh pula melibatkan kerja-kerja penggantian paip jenis *AC* kepada jenis paip *DI* sepanjang 2.7 kilometer. Anggaran kos bagi pelaksanaan pakej projek tersebut di kedua-dua kawasan berkenaan adalah berjumlah RM4.81 juta.

\*\*\*\*\*

NO SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**PERTANYAAN : Y.B DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
DARIPADA (PARIT BUNTAR)  
TARIKH 21.11.2011  
(ISNIN)**

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-**

- (a) jumlah kes jenayah yang melibatkan anggota tentera lain-lain pangkat bermula Januari 2010 sehingga Jun 2011; dan**
- (b) apakah tindakan pihak Kementerian bagi mengurangkan kes jenayah di kalangan anggota tentera.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kes jenayah di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih ditahap yang rendah. Peratusan kadar jenayah adalah:**

- |                      |          |              |
|----------------------|----------|--------------|
| <b>a. Tahun 2010</b> | <b>-</b> | <b>0.70%</b> |
| <b>b. Tahun 2011</b> | <b>-</b> | <b>0.24%</b> |
- (Sehingga 30 Jun)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi mengurangkan anggota Lain-lain Pangkat terlibat dalam kes jenayah pihak ATM telah mengambil langkah-langkah kolektif, korektif dan *preventif* bagi menangani pencemaran disiplin di kalangan warga ATM.**

**SOALAN NO.J2&**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA **TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]**

TARIKH **29 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan sama ada Kerajaan memberi jaminan bahawa cadangan-cadangan reformasi pilihan raya akan juga mengambil kira tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Gabungan Pilihan raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) dan juga parti-parti politik termasuk dalam Pakatan Rakyat yang merupakan 'stakeholders' dalam urusan pilihan raya. Adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan cadangan-cadangan ini sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13.

**JAWAPAN:** <sup>I</sup>  
**YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

## SOALAN NO. 29

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR senantiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dengan melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekaligus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi Negara.

Mengenai perkara-perkara yang telah dituntut oleh "*BERSIH 2.0*", untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara tersebut bukan baru kerana ia juga sering dibangkitkan di dalam Mesyuarat Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara oleh Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat secara sah di sisi Perlembagaan.

Malah, tanpa tuntutan tersebut pun, perkara-perkara ini telah lama dan senantiasa menjadi fokus SPR dalam melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja untuk membersihkan bahkan untuk memberdaya (*to empower*) serta merekayasa [*to re-engineer*] sistem pengurusan dan operasi pilihan raya di Malaysia.

Dengan tertubuhnya **Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya** maka pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan sistem pilihan raya di negara ini melalui wakil mereka di Parlimen akan sama-sama diberi peluang untuk memberi pendapat dan mengkaji secara mendalam sistem pilihan raya yang difikirkan lebih baik bagi mendukung dan mengukuhkan lagi demokrasi yang diamalkan di negara ini.



### **SOALAN NO. 29**

Apa jua syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang yang dicadangkan yang datangnya daripada Jawatankuasa Pilihan Khas itu tidak lagi akan dipertikai dan dijadikan agenda politik memandangkan syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang itu telah dibuat melalui perbincangan dan penelitian pihak-pihak yang mewakili rakyat.

Penubuhan ini juga memperlihatkan secara telus dan tulus bahawa sistem demokrasi Negara masih wujud dan subur. Ini kerana penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini merupakan sebahagian daripada kelangsungan dan kesinambungan tradisi demokrasi berparlimen yang telah sekian lama diamalkan di Negara kita serta simbol *constructive engagement* (permuafakatan yang membinaj di antara parti-parti politik yang mewakili satu suara rakyat Malaysia bagi membincang dan mencari kata sepakat mengenai bentuk penambahbaikan yang perlu dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum dilaksanakan pada Pilihan Raya yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

LISAN

DARIPADA **Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**PEMBERITAHU (SELAYANG)**  
**PERTANYAAN**  
TARIKH **DEWAN RAKYAT** 21.11.2011  
**PERTANYAAN**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan bumiputera dan kontraktor lain yang mempunyai masalah dalam mendapatkan akaun akhir untuk projek-projek yang telah disiapkan untuk Kementerian dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan projek yang belum ditutup akaun sehingga kini di bawah RMK-8 ialah 55 dan RMK-9 adalah 97 projek. Bilangan kontraktor yang terlibat adalah sebanyak 101. Antara cadangan langkah-langkah untuk mempercepatkan proses penutupan akaun;

**A) Projek Dalam Pembinaan**

- (i) Mengarahkan Perunding untuk menyediakan akaun muktamad dalam masa enam bulan selepas tarikh siap projek;
- (ii) Mempercepatkan proses Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan Wang Peruntukan Sementara (WPS); dan

- (iii) Memantau dan memastikan perunding hanya mengarahkan kerja tambahan ditapak apabila APK diluluskan oleh KPM.

**B) Projek yang telah siap**

- (i) Mengeluarkan arahan kepada perunding untuk menyerahkan akaun muktamad bagi projek yang telah dikenalpasti lewat disediakan akaun akhir; dan
- (ii) Mengadakan bengkel bersama konsultan untuk menyediakan dokumen akaun muktamad agar dapat diselesaikan dengan segera.

**C) Projek RMK-8**

Semua akaun muktamad bagi projek RMK-8 akan diselesaikan sebelum Disember 2011.

**DARIPADA**

**DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD  
TAIB [BALING]**

**PERTANYAAN :** LISAN

**TARIKH** 21 NOVEMBER 2011

**Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian sedar dengan siapnya laluan baru Kulim-Gerik dan Pantai Timur menyebabkan bandar Baling dan Pengkalan Hulu 'mati' dan sebahagian pengusaha kedai makan dan kedai-kedai barang hilang pendapatan, ada yang terpaksa ditutup termasuk sebahagian kedai di kompleks bebas cukai sempadan Pengkalan Hulu -Betong Thailand. Apakah langkah Kementerian bagi membantu para peniaga yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, laluan yang dimaksudkan adalah FT04 Kulim - Baling - Gerik. Keseluruhan jajaran ini telah disiapkan pada tahun 2005. Sehubungan itu, pengguna jalan raya yang ingin ke Pantai Timur tidak perlu lagi melalui bandar Baling dan Pengkalan Hulu. Laluan yang lebih besar ini juga telah memberi keselesaan serta memendekkan masa perjalanan kepada pengguna.

2. Kerajaan sememangnya prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat khususnya peniaga-peniaga dan penduduk setempat hasil daripada pembangunan projek-projek dan pembinaan laluan-laluan baru . Bagi peniaga-peniaga di kawasan Baling dan Pengkalan Hulu, kementerian dan agensi berkaitan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelancongan serta juga Kerajaan Negeri akan dimaklumkan supaya mengambil tindakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi peniaga-peniaga terlibat.

**SOALAN NO:**

**36 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

TARIKH: 21 NOVEMBER 2011

SOALAN:

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan yang diambil tindakan di bawah Akta Pekerjaan, 1955 (Semakan 1981), (Pindaan 1989) mulai tahun 2001 hingga 2011. Berikan apakah bentuk kesalahan dan tindakan yang telah dikenakan.

PR-1243-L45479

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, semenjak tahun 2001 hingga Ogos 2011, sebanyak 1,397 majikan telah didakwa. Manakala bagi tindakan kompaun pula, sebanyak 1,321 majikan telah dikenakan kompaun bagi tempoh yang sama.

2. Antara kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan yang mengakibatkan tindakan pendakwaan dan kompaun tersebut diambil kebanyakannya adalah disebabkan oleh majikan yang membayar

gaji lewat, tidak melaporkan penggajian pekerja asing dan tidak membayar gaji kerja lebih masa.

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.11.2011**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan harga yang ditetapkan untuk penjualan projek Bakun kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perjanjian Pembelian Tenaga

## SOALAN NO. 38

{*Power Purchase Agreement-PPA*) bagi Projek Hidroelektrik Bakun (Projek Bakun) telah ditandatangani pada 1 Jun 2011 di antara Sarawak Hidro Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang memiliki Empangan Hidroelektrik Bakun dengan Sesco Bhd, syarikat milik penuh Sarawak Energy Bhd. Penetapan kadar tarif yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah sebanyak 6.25sen/*kilo Watt hour* (kWh) dengan kenaikan 1.5% setiap tahun. Sehubungan itu, cadangan penjualan projek Bakun kepada Kerajaan Negeri Sarawak tidak dilaksanakan buat masa ini.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN:      JAWAB LISAN**

**DARIPADA            YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY**

**[BATU KAWAN]**

**TARIKH                21 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

### SOALAN

**YB Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan mengapakah Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil masa yang lama untuk memproses permohonan bantuan kebajikan sehingga pemohon-

**NO SOALAN :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

pemohon perlu menunggu berbulan-bulan.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memberi perhatian khusus kepada sebarang permohonan bantuan kebajikan masyarakat yang dikemukakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Langkah ini penting bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan bantuan dilaksanakan dengan cepat, cekap dan berkesan.

Berdasarkan analisis JKM, antara faktor yang menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan bantuan kebajikan ialah:

- i) Pemohon tidak menyediakan dokumen yang lengkap;
- ii) Pemohon berpindah alamat, contohnya berpindah mengikut sanak saudara atau berpindah ke penempatan baru;
- iii) Pemohon tidak dapat dihubungi untuk sesi temu duga; dan
- iv) Pemohon tiada di rumah semasa siasatan dilakukan.

Bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian dan mengurangkan karenah birokrasi, JKM telah mengambil tindakan proaktif dengan melaksanakan kaedah, dengan izin, "*Business Process*

*Reengineering (BPR)*" atau Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK)

sejak bulan April 2011 di seluruh negara. Kaedah ini membantu mempercepatkan dan memudahkan proses pengurusan bantuan di mana:

- i. Permohonan terus diproses sewaktu klien berada di kaunter semasa memohon perkhidmatan;
- ii. Bagi kes-kes yang, dengan izin, '*clear cut*', contohnya OKU fizikal yang memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta permohonan yang mempunyai dokumen lengkap, lawatan ke rumah klien tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta-merta;
- iii. Penggunaan sistem e-Bantuan telah mempercepatkan proses kerja dan seterusnya proses pembayaran;
- iv. Kepuasan klien dapat dipertingkatkan di mana klien tidak perlu menunggu lama untuk mengetahui keputusan permohonan yang telah dibuat; dan
- v. Agihan penugasan pegawai JKM dilakukan lebih sistematik dan teratur susulan penggunaan sistem e-Bantuan.

**Soalan No : 39**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN**

	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK ABD. RAHMANBIN BAKRI</b>
	<b>(SABAK BERNAM)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21.11.2011</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil kajian cadangan Kerajaan untuk membenarkan sekolah memilih sama ada menggunakan Bahasa Melayu atau Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan

Matematik di sekolah walaupun program Memartabatkan Bahasa MalaysiaMemperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) akan menggantikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemansuhan pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diputuskan pada 8 Julai 2009 dan digantikannya dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meningkatkan kualiti P&P Sains dan Matematik itu sendiri dan keupayaan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di semua peringkat sekolah kecuali Tahun 1, boleh menggunakan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris atau dwibahasa sehingga kohort terakhir

PPSMI yang akan tamat pada tahun 2015 seperti yang ditegaskan oleh YAB Menteri Pelajaran semasa menjawab pertanyaan lisan di Dewan Negara pada 25.04.2011. Sehubungan dengan itu, guru-guru Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah dibolehkan mengajar kedua-dua mata pelajaran tersebut dalam bahasa Malaysia sepenuhnya atau bahasa Inggeris sepenuhnya atau dwibahasa mengikut keperluan murid-murid.

Rjm 93

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

### **RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG**

**KAWASAN**

**BUKIT BENDERA**

**TARIKH**

**21 NOVEMBER 2011(ISNIN)**

**SOALAN NO.:**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan subsidi kadar tol yang diberikan kepada pemegang konsesi Jambatan Pulau Pinang sejak 1985 dan kadar tol jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Pulau Pinang Kedua pada tahun 2014 dan 2020 dan berapa lama tempoh perjanjian konsesi Jambatan Pulau Pinang dipanjangkan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi kadar tol yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat merujuk kepada pengurangan atau penangguhan kenaikan kadar tol sepertimana yang termaktub dalam Perjanjian Konsesi. Sehingga 31 Disember

2010, Kerajaan telah membayar pampasan kepada syarikat konsesi Penang Bridge Sdn. Bhd. (PBSB) sebanyak RM 181.23 juta berikutan daripada keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol dan pengurangan kadar tol bas di Jambatan Pulau Pinang.

Tempoh asal perjanjian konsesi bagi jambatan Pulau Pinang akan berakhir pada 31 Mei 2018. Walau bagaimanapun, melalui Perjanjian Konsesi Tambahan yang telah ditandatangani, jambatan Pulau Pinang mendapat lanjutan tempoh konsesi selama 3 tahun 7 bulan di mana tempoh konsesinya akan berakhir pada 31 Disember 2021. Lanjutan tempoh konsesi ini adalah disebabkan kerja-kerja tambahan yang di luar obligasi syarikat konsesi iaitu pembinaan lorong tambahan untuk motosikal, pelebaran jalan susur sedia ada dari jambatan menghala ke Bayan Lepas (jambatan 3) dan dari arah Pulau Pinang ke jambatan dan pembinaan dua buah *ramp* masuk dan *ramp* keluar di Lebuhraya Utara - Selatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui Perjanjian Konsesi Tambahan Ketiga yang telah ditandatangani pada 11 November 2011 yang dibuat bersekali dengan penstrukturan semula perjanjian konsesi lebuhraya - lebuhraya di bawah PLUS Expressways Bhd., tempoh konsesi bagi Jambatan Pulau Pinang telah dilanjutkan lagi sehingga 31 Disember 2038. Melalui lanjutan tempoh konsesi ini, kadar tol bagi jambatan Pulau Pinang telah

**ditetapkan pada satu kadar yang tetap sehingga tamat tempoh konsesi.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar tol bagi kereta di jambatan Pulau Pinang pada tahun 2014 dan 2020 ialah sebanyak RM7. Manakala kadar tol bagi kereta di jambatan Kedua Pulau Pinang pada tahun 2014 ialah sebanyak RM8.50 dan pada tahun 2020 ialah sebanyak RM9.40. Walau bagaimanapun, kadar tol bagi Jambatan Kedua Pulau Pinang ini masih boleh distruktur semua sebelum dibuka kepada pengguna dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti beban pengguna, daya saing projek dan kemampuan kewangan Kerajaan.**

**Sekian, terima kasih.**